

**Naib Pengerusi MIC Telok Kemang Maut Kemalangan
Bernama
7 Julai, 2013**

SEREMBAN, 7 Julai (Bernama) -- Naib Pengerusi MIC Bahagian Telok Kemang R. Vinthan maut, selepas motosikal yang ditunggangi terbabas sebelum dirempuh sebuah kereta di Chuah, Port Dickson dekat sini, Sabtu.

Dalam kejadian pada kira-kira 2.30 petang itu, Vinthan, 56, yang menunggang motosikal jenis Modenas dikatakan dalam perjalanan dari arah Chuah menghala ke Port Dickson.

Jurucakap polis berkata, apabila tiba di lokasi kejadian mangsa dikatakan gagal mengawal motosikalnya sebelum melanggar tiang lampu di bahu jalan dan terjatuh di atas jalan.

"Pada masa sama, sebuah kereta dari arah belakang yang tidak sempat mengelak telah merempuh mangsa dan motosikalnya menyebabkan mangsa maut serta-merta di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala dan badan," katanya ketika dihubungi di sini Ahad.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Port Dickson, Sup Abd Wahab Harun ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan memberitahu mayat mangsa dibawa ke Hospital Port Dickson untuk bedah siasat, sebelum dituntut anggota keluarganya.

Dalam pada itu, Pengerusi MIC Bahagian Telok Kemang Datuk M. Veloo berkata, kehilangan Vinthan pastinya akan dirasai kerana beliau merupakan seorang pemimpin yang telah lama berkhidmat dengan penduduk di kawasan itu.

Katanya, mendiang sebelum ini dilantik sebagai Naib Pengerusi MIC Bahagian Telok Kemang pada 2009 dan merupakan Ketua MIC Cawangan Ladang Sengkang, Port Dickson sejak 1990.

Mendiang Vinthan meninggalkan seorang isteri dan tiga orang anak berusia antara 19 hingga 26 tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=961611>